

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

TASAWWUR ISLAM

5226/1

Kertas 1

September

1 ¼ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2017

TASAWWUR ISLAM

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

1. Tulis nombor **kad pengenalan** dan **angka giliran** anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawab **semua** bahagian.
4. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 11 dalam kertas soalan ini.
5. **Bahagian B** mengandungi **20** soalan. Jawab semua soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B**.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperolehi
A	20	20	
B	20	20	
Jumlah		40	

Modul latihan berfokus ini mengandungi **11** halaman bercetak

Bahagian A

[20 markah]

- 1 Antara berikut yang manakah bukan ciri orang yang beragama?
- A Mudah terpengaruh dengan unsur-unsur negatif.
 - B Redha dengan ketentuan Allah SWT.
 - C Memiliki jiwa yang tenang.
 - D Berakhlak mulia
- 2 Antara berikut yang manakah merupakan cara memulihara alam?
- I Merancang kawasan pembangunan dan perindustrian.
 - II Membersihkan sungai-sungai daripada kekotoran.
 - III Menanam semula pokok-pokok yang ditebang.
 - IV Mengawal pencemaran udara.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 3 Antara berikut yang manakah tugas rasul?
- I Menyampaikan khabar gembira sahaja.
 - II Menyeru manusia menyembah Allah SWT.
 - III Menerangkan tentang perkara-perkara ghaib.
 - IV Mengajar manusia cara beribadat dengan betul.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 4 Antara berikut yang manakah membuktikan Al-Quran sebagai petunjuk sepanjang zaman?
- I Kebenarannya mutlak.
 - II Keindahan gaya bahasanya tidak mampu ditandingi.
 - III Kitab yang diturunkan kepada semua nabi dan rasul.
 - IV Kandungannya merangkumi seluruh peraturan hidup.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

5 Firman Allah yang bermaksud :

Siapakah yang memulakan kejadian makhluk kemudian Ia menghidupkannya?
Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Adakah
sebarang Tuhan lain bersama-sama Allah?....

(Surah al-Naml : ayat 64)

Maksud ayat di atas mencabar manusia berfikir tentang kejadian alam untuk

- A membuktikan keindahan alam.
 - B membuktikan kemampuan akal manusia.
 - C membuktikan kewujudan dan kekuasaan Allah SWT.
 - D membuktikan orang yang beriman menolak tentang konsep ketuhanan.
- 6 Bagaimanakah Al-Quran membimbing akal?
- A Mengajar manusia berfikir secara rasional.
 - B Memberi kebebasan berfikir kepada manusia.
 - C Mengajar manusia mentaati larangan Allah SWT.
 - D Menggalakkan manusia bersikap taklid yang membuta tuli.

7

- Realiti bukan khayalan
- Menyelesaikan masalah
- Menekankan kesederhanaan

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A prinsip Syumuliyah.
 - B kelebihan Murunah.
 - C prinsip Waq`iyah.
 - D ciri-ciri Alamiyyah.
- 8 Islam telah menetapkan syarat-syarat menjadi ketua negara seperti berikut **kecuali**
- A adil dan saksama.
 - B lelaki atau wanita.
 - C seorang muslim yang mukmin.
 - D berilmu dan memahami masalah negara.
- 9 Antara berikut yang manakah kesan terhadap individu yang meragui kebenaran Islam?
- A Imannya lemah.
 - B Akhlaknya rosak.
 - C Syahadahnya terbatal.
 - D Masyarakat menghinanya.

- 10 Antara berikut yang manakah ciri pemimpin yang dikehendaki menurut Islam?
- A Meminati bidang pengurusan.
 - B Mengawal emosi dalam tindakan.
 - C Mempunyai kewangan yang kukuh.
 - D Mempercayai semua agama di dunia.

- 11
- `Uruf
 - Sanad
 - Al-Istihsan
 - Al-Masalihul Mursalah

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A langkah penyelesaian masalah.
 - B matlamat penyelesaian masalah.
 - C sumber penyelesaian masalah disepakati ulamak.
 - D sumber penyelesaian masalah tidak disepakati ulamak.
- 12 Pilih pernyataan yang menggambarkan cara membelanjakan harta untuk keluarga.
- A Membelanjakan harta dengan berhemah dan tidak membazir.
 - B Mengeluarkan zakat dan membayar cukai.
 - C Membantu orang yang ditimpa bencana.
 - D Bersedekah dan menderma.
- 13 Antara berikut yang manakah cara memperoleh harta secara haram?
- A Bekerja makan gaji.
 - B Bekerja sebagai petani.
 - C Berniaga barangan runcit.
 - D Berurus niaga dalam semua jenis saham.

14	WAJIB	MAKRUH
	Memastikan manusia tidak meninggalkan perkara asas dalam agama.	P

Carta A

Carta A di atas menerangkan perbezaan hikmat penetapan hukum wajib dan makruh. P ialah

- A menghapuskan dosa-dosa kecil yang telah dilakukan.
- B amalan yang dilakukan terpesong daripada kebenaran.
- C supaya kepentingan dan kesejahteraan awam terpelihara.
- D memastikan manusia berdisiplin dengan meninggalkan larangan Allah SWT.

15

- Membuat perancangan yang rapi
- Berdisiplin dan menepati sasaran kerja
- Menilai hasil dan membaiki kelemahan

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A langkah meningkatkan kualiti kerja dalam Islam
- B syarat menjadikan pekerjaan suatu ibadat
- C budaya kerja Islam
- D disiplin kerja Islam

16 Berikut merupakan prinsip-prinsip Syumuliyah **kecuali**

- A semua makhluk terikat dengan masa, tempat dan ruang tertentu.
- B manusia dilantik sebagai khalifah di muka bumi.
- C kesempurnaan hanya milik Allah SWT.
- D menekankan kesederhanaan.

17 Akal bukan sahaja berperanan menimba ilmu pengetahuan tetapi yang penting adalah untuk

- A mengenal Allah SWT.
- B mengenal kejadian jin.
- C mengenal kejadian alam.
- D mengenal kejadian insan.

18 Tawakal bermaksud

- A berserah diri kepada Allah dengan melakukan segala perintah dan ajaran-Nya.
- B berserah diri kepada Allah dengan meyakini sepenuh hati keesaan dan kekuasaan-Nya.
- C berserah diri kepada Allah setelah berusaha bersungguh-sungguh melakukan sesuatu.

D berserah diri kepada Allah dengan memohon ampun serta berjanji tidak akan melakukan dosa lagi.

- 19 Berikut adalah ciri-ciri perundangan Islam **kecuali**
- A Al-Quran dan al-Hadis sebagai rujukan.
 - B sesuai pada semua tempat dan zaman.
 - C lengkap dan merangkumi dunia dan akhirat.
 - D melanggarnya akan dikenakan tindakan di dunia.

- 20
- Islam mensyariatkan hukum jihad
 - Umat Islam perlu mengamalkan akhlak mulia
 - Islam mengharamkan perbuatan yang mencetuskan huru-hara

Pernyataan di atas berkaitan dengan

- A kecemerlangan pendidikan dalam Islam.
- B jaminan keselamatan dalam Islam.
- C perpaduan ummah dalam Islam.
- D keadilan sosial dalam Islam.

Bahagian B

[20 markah]

Soalan 21 hingga Soalan 24

Tulis istilah yang bersesuaian dengan memilih jawapan di atas pada ruangan yang disediakan.

- 21 Sedia menerima dan menghormati pendapat orang lain yang berbeza dengan pendapat sendiri.

- 22 Sebuah badan yang mempunyai kuasa membuat, meminda atau memansuhkan undang-undang dari segi perlembagaan.

- 23 Suatu usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk menghasilkan penetapan sesuatu hukum syarak berdasarkan Al-Quran dan Hadis.

- 24 Penghakiman atau keputusan yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah dalam sesuatu perbicaraan berdasarkan hujah dan bukti yang nyata.

Soalan 25 hingga Soalan 28

Lengkapkan pernyataan berikut.

- 1 25 Mengukuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT adalah merupakan salah satu hikmah _____ alam ghaib.
- 1 26 Islam adalah hak Allah SWT, diwahyukan kepada Rasulullah SAW, jitu dan bersih dari sebarang kekurangan adalah prinsip _____.
- 1 27 Mengambil kira realiti sebenar kehidupan manusia yang mempunyai unsur-unsur positif dan negatif serta kemampuan manusia dari segi kekuatan dan kelemahan. Ini membuktikan Islam bersifat _____.
- 1 28 Perjanjian usahasama antara dua atau beberapa orang pemilik modal untuk menjayakan sesuatu projek serta berkongsi keuntungan atau kerugian dikenali sebagai _____.

Soalan 29 hingga Soalan 30


Carta B di bawah merujuk jenis kesalahan dan hukuman yang boleh dijatuhkan hukum hudud.

Jenis Kesalahan	
Q	R
Hukuman	Hukuman
Kesalahan mengambil harta tanpa membunuh, tangan dan kakinya hendaklah dipotong secara bersilang.	Hukum bunuh setelah disuruh bertaubat dan diberi tempoh tertentu

Carta B

Berdasarkan Carta B di atas,

- 1 29. Jenis kesalahan Q ialah _____.
- 1 30. Jenis kesalahan R ialah _____.

Soalan 31 hingga Soalan 32

Carta C

Nyatakan perkara S dan T bagi carta C di atas.

	1
--	---

31. S : _____


	1
--	---

32. T : _____

Untuk

Kegunaan

Pemeriksa

Soalan 33 hingga Soalan 34

Carta D

Nyatakan cara tersebut bagi Carta D.

	1
--	---


33. U ialah _____


	1
--	---

34. V ialah _____

Soalan 35 hingga Soalan 36

Carta di bawah berkaitan dengan proses kejadian insan menurut Al-Quran.





Carta E

Nyatakan peringkat W dan X bagi Carta E.

1

35 Ciri W : _____

1

36 Ciri X : _____

Untuk

Soalan 37 hingga Soalan 40

Kegunaan

Tandakan (\surd) pada pernyataan yang **betul**.

Pemeriksa

Tandakan (X) pada pernyataan yang **salah**.

1

37 Faedah memelihara alam ialah dapat mengelakkan kepupusan habitat tumbuhan dan haiwan.

--

1

38 Antara prinsip Syumuliyah ialah Islam menjamin hak asasi manusia.

--

1

39 Antara ciri muamalah Islam ialah menjadikan harta sebagai matlamat hidup.

--

1

40 Penyelesaian masalah yang menepati kehendak syarak mendapat keredaan Allah SWT.

--

KERTAS SOALAN TAMAT

Markah Bahagian B

KERTAS JAWAPAN**Bahagian A**

- | | | | | | | | | | |
|----|---|---|---|---|----|---|---|---|---|
| 1 | A | B | C | D | 11 | A | B | C | D |
| 2 | A | B | C | D | 12 | A | B | C | D |
| 3 | A | B | C | D | 13 | A | B | C | D |
| 4 | A | B | C | D | 14 | A | B | C | D |
| 5 | A | B | C | D | 15 | A | B | C | D |
| 6 | A | B | C | D | 16 | A | B | C | D |
| 7 | A | B | C | D | 17 | A | B | C | D |
| 8 | A | B | C | D | 18 | A | B | C | D |
| 9 | A | B | C | D | 19 | A | B | C | D |
| 10 | A | B | C | D | 20 | A | B | C | D |

Markah Bahagian

A